

18/08/2002

Keluarga susah bukan penghalang

Sariha Mohd Ali

ORANGNYA bertubuh kecil saja tetapi ringan tulang. Ketika di bangku sekolah, dialah orang pertama menghulur bantuan setiap kali diminta mengangkat benda berat, tanpa banyak bersungut.

Dari anak kampung dengan persekitarannya di jeti nelayan dan diselaputi kehidupan yang lasak, tiba-tiba muncul menjadi wira mengharumkan nama negara di pentas dunia.

Kejayaan Amirul Amizan Ibrahim, 21, menggondol tiga pingat emas acara angkat berat di Sukan Komanwel 2002 di Manchester, baru-baru ini sebenarnya di luar dugaan, baik diri, keluarganya, malah seluruh rakyat Malaysia.

Apa tidaknya, daripada seorang yang pemalu, anak jati Rompin, Pahang ini yang sering mengangkat barang berat seperti meja dan kotak ketika belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Rompin, kini muncul sebagai Badang Negara.

"Setiap kali mahu memindahkan barang berat di sekolah seperti meja atau kotak, sayalah yang sering jadi sasaran rakan sekelas. Bermula dari situlah, sedikit demi sedikit, minat saya dalam bidang sukan angkat berat bermula.

"Malah, ketika di tingkatan tiga, saya secara senyap-senyap pergi mendaftar nama di Pusat Latihan Angkat Berat di Kuala Rompin," katanya mengimbas saat mula berjinak-jinak dalam bidang angkat berat.

Jika melihat saiz tubuh yang kecil dan sikap Amirul atau lebih dikenali sebagai Amy, yang pemalu dan bersopan santun, tiada siapa menyangka dia sebenarnya berjiwa besar.

Nun jauh di negara orang di England baru-baru ini, Amirul mencatat rekod baru kategori 56 kilogram (kg) dalam acara angkat berat, dengan mengangkat 145 kg bagi acara clean and jerk, memecahkan rekod lama 140 kg.

Dia turut mencipta rekod baru dan memenangi pingat emas bagi acara snatch (115kg) serta berat keseluruhan 260 kg.

Mengimbas kembali kejayaan cemerlang yang dilakar di Pusat Konvensyen Antarabangsa Manchester itu, Amirul berkata selain memegang amanah negara, di bahunya turut tergalas tanggungjawab terhadap keluarga.

Ketika ditemui Berita Minggu di rumahnya, di Kampung Sepakat, Jalan Rompin-Endau, Isnin lalu, Amirul agak sebak ketika menceritakan perasaannya ketika mula-mula berada di pentas untuk beraksi mewakili negara pada kejohanan itu.

"Saya datang dari keluarga susah. Bapa bekerja sebagai pemandu lori dan emak pula berniaga kecil-kecilan bagi menyara kami tujuh beradik.

"Ketika mula menjejakkan kaki ke Manchester, saya sudah menanam tekad melakukan yang terbaik untuk negara dan demi mengubah nasib keluarga kerana mereka adalah penguat semangat untuk saya terus berjaya.

"Bagi saya, jika berjaya melaksanakan misi ini, bermakna saya mampu mengubah nasib keluarga saja. Tapi jika saya gagal, sukar untuk saya bayangkan wajah mereka yang selama ini begitu mengharap dan mendoakan kejayaan ini," kata anak kelima yang menceburi secara serius dalam acara angkat berat pada 1998.

Disebabkan ikatan kasih sayang yang kuat dalam keluarganya, Amirul terus menelefon bapanya sebaik berjaya meraih emas pertama.

"Sebenarnya, sasaran saya hanya satu emas tetapi sudah rezeki, saya menyapu bersih tiga emas. Ketika mula-mula menang, saya mahu bapa menjadi orang pertama di Malaysia yang tahu mengenainya.

"Ketika menghubunginya, suara bapa tersekat-sekat mengucapkan tahniah. Saya tahu dia bangga dan gembira dengan kejayaan saya," katanya yang berhasrat menghantar ibu bapanya mengerjakan ibadat haji bagi membalas jasa dan sokongan mereka selama ini.

Kejayaan Amirul bukan saja mendapat pengiktirafan pelbagai pihak di seluruh negara, malah paling mengharukan ialah apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudi menjemput mereka sekeluarga bersarapan pagi di Putrajaya, Ahad lalu (11 Ogos).

"Saya sungguh terharu atas keprihatinan Perdana Menteri terhadap kejayaan saya yang kecil ini.

"Saya, ibu dan bapa serta seorang lagi atlit dari Rompin, Faizal (Mohd Faizal Baharom) menghabiskan masa selama kira-kira sejam setengah bersarapan bersama Dr Mahathir.

"Ketika berbual, Perdana Menteri kata dia kagum apabila seorang rakyat Malaysia mampu meraih tiga emas sekali gus dalam Sukan Komanwel.

"Perdana Menteri juga meminta izin memakai tiga pingat emas yang saya menangi itu ke lehernya. Katanya, beliau sendiri nak rasa macam mana dapat pingat emas..." katanya yang menganggap kenangan bersama Perdana Menteri, sebagai nostalgia paling manis dalam hidupnya.

Amirul berkata, pada petang yang sama, dia sepatutnya menghabiskan masa bersama Perdana Menteri, tetapi memohon maaf untuk pulang segera ke Rompin kerana dia perlu menghadiri satu majlis yang sudah diatur untuknya.

"Sebenarnya, walaupun kita datang dari keluarga yang susah, tinggal di kampung terpencil, tetapi jika kita terus berusaha dan sentiasa berlatih, kita mampu mencapai kejayaan.

"Contohnya saya sendiri. Sikap saya sentiasa mendapatkan yang terbaik apabila melakukan sesuatu. Mula-mula mendaftar di Pusat Latihan Angkat Berat di sini, saya berlatih teknik angkat berat.

"Awalnya, saya dididik jurulatih dari China, Lee Wei San dan kemudian beralih kepada Lin Zim Xua dan seterusnya Martin Guntali.

"Ketika bersama Lee, dia pernah berkata saya akan berjaya hingga ke peringkat antarabangsa jika saya konsisten dengan latihan dan berdisiplin. Dia betul-betul didik saya bagi tempoh 1998 (selepas tamat tingkatan lima) hingga 2000 dan dari dia, saya mendapat asas dalam sukan ini," katanya.

Pada awal 2000, Amirul meraih dua gangsa dalam Kejohanan Remaja Asia di Korea dan akhir 2000 dan mendapat tiga pingat perak di Kejohanan Remaja Asia di China bagi kategori bawah 56 kilogram.

Mengenai masa lapangnya, anak muda ini gemar melayan kerenah anak saudaranya, menonton video cakera padat dan membaca buku, selain berjalan-jalan di tepi pantai.

"Saya mahu terus serius dalam sukan ini tetapi saya sudah menetapkan matlamat dalam hidup. Saya akan menyertai Sukan Asia 2006 dan kemudian Sukan Olimpik pada 2008.

"Selepas itu, saya mungkin bersara dalam bidang angkat berat kerana sudah berusia 28 tahun," katanya yang ingin meneruskan pengajian di universiti dalam bidang Sains Sukan.

Mengulas begitu banyak habuan yang bakal diterimanya, Amirul yang mudah meleret senyuman berkata: "Saya belum mempunyai perancangan khusus, sebaliknya hanya melabur dalam amanah saham atau disimpan dalam bank."

Pemenang anugerah Atlit Harapan Pahang 2001 itu bukan saja bakal menerima RM270,000 daripada Majlis Sukan Negara (MSN), dia turut dianugerahkan ganjaran RM50,000 sumbangan Kerajaan Pahang, minggu lalu.

Beliau berkata, dari tujuh beradik termasuk dua lelaki, hanya dia seorang yang terbabit dalam sukan, manakala adik lelakinya, Amirul Azhar, 16, yang bersekolah tingkatan empat, tidak boleh aktif sukan kerana dia pernah mengalami sakit buah pinggang.

Sementara itu, bapa Amirul, Ibrahim Ismail, 51, berkata, dia tidak

pernah melihat atau menemani Amy berlatih kerana sibuk dengan tugas sebagai pemandu lori.

"Tetapi, saya selalu menasihatkan Amy supaya bersungguh-sungguh berlatih kerana bidang itu memang diminatinya. Lagi pun, saya kata, jika Amy berjaya dalam bidang yang diceburinya dengan keadaan serba kekurangan ini, dia boleh menjadi anak kampung contoh kepada rakan lain," katanya.

Menurut Ibrahim, dia lebih suka Amy aktif dalam sukan bagi mengelaknya bergaul dengan remaja yang terbabit dalam kegiatan tidak sihat.

"Biar dia isi masa terluang dengan latihan. Saya tidak risau jika 24 jam dia berlatih daripada berkeliaran tak tentu arah. Maklumlah...remaja sekarang suka membuang masa dan akhirnya melakukan kerja tidak berfaedah," katanya.

Ibrahim berkata, walaupun Amy mendapat tajaan daripada beberapa pihak, tetapi adakalanya, anaknya itu perlu membeli sendiri barangan keperluannya.

"Amy sedia mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk membeli baju atau kasut sukannya kerana katanya, kalau nak tunggu tajaan, lewat sikit.

"Bagaimanapun, dia menghadapi sedikit masalah untuk mendapatkan kemudahan perubatan seperti vitamin tambahan," katanya.

Ibu Amirul, Tuan Rosiah Tuan Mohamad, 49, pula berkata mungkin cucunya, Mohd Haikal Hisham, 4, bakal mengikut jejak langkah Amirul.

"Walaupun masih kecil, Haikal kelihatan begitu berminat dalam sukan angkat berat selepas melihat kejayaannya Pak Ngahnya itu," katanya.

#### PROFIL

NAMA	: Amirul Hamizan Ibrahim
UMUR	: 21 tahun (lahir: 3.12.1981)
PENDIDIKAN	: Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di SMK Rompin
KELUARGA	: Anak kelima daripada tujuh beradik
BAPA	: Ibrahim Ismail, 51, pemandu lori
IBU	: Tuan Rosiah Tuan Mohamad, 49, peniaga kecil-kecilan
ADIK BERADIK	: Rozaimi Ibrahim, 29, (suri rumah) Rozi Azira, 26, kerani insurans Rahayu, 23, tak bekerja Roslinda, 23, Pengurus Restoran Pizza Hut (keduanya pasangan kembar) Amirul Hamizan, 21, ahli sukan Noris Salwa, 19, pekerja kilang Amirul Azhar, 16, pelajar sekolah
PENCAPAIAN	: Sukma di Selangor pada 1998 (3 emas) : Kejohanan Remaja Asia di Korea Selatan awal 2000 (2 gangsa) : Kejohanan Remaja Asia di China akhir 2000 (3 perak) : Sukan Sea di Kuala Lumpur 2001 (1 perak) : Sukan Komanwel 2002 di Manchester (3 emas)
CITA-CITA	: Melanjutkan pengajian dalam bidang Sains Sukan